



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 3/2016
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

ANUGERAH CEMERLANG PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Dengan penuh hormat sukacita memaklumkan bahawa penyertaan bagi Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam (ACPA) 2016 kini dibukakan. ACPA terbuka kepada:-


- Kementerian / Jabatan
- Pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam secara individu dan berkumpulan
- Pihak swasta / orang ramai

2. Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam bertujuan untuk:

- a. Menggalakkan inovasi dalam urustadbir baik (*good governance*) dalam perkhidmatan awam;
- b. Menghargai keunggulan / kecemerlangan dalam sektor awam;
- c. Memotivasi penjawat awam untuk lebih mempromosikan ./ menggalakkan inovasi;
- d. Meningkatkan profesionalisma di dalam perkhidmatan awam;
- e. Meningkatkan imej perkhidmatan awam;
- f. Mengumpulkan dan menyebarkan praktis-praktis yang berjaya untuk dicontohi agensi-agensi sektor awam yang lain; dan
- g. Menggalakkan penyertaan orang awam dan sektor swasta dalam menyumbangkan ide ke arah pembaikan dan pembaharuan perkhidmatan awam.

3. ACPA memberikan tumpuan kepada dua (2) kategori:


- a. Projek yang telah menampakkan hasil / natijah (*outcome*) dan impak yang besar / positif ke atas perkhidmatan awam; dan
- b. Cadangan dalam bentuk kertas kerja yang berupa buah fikiran (*ide*) yang berpotensi untuk dipraktikkan dalam perkhidmatan awam.



- 2 -

4. Penyertaan ACPA ini dibukakan kepada:
 - a. Kertas Projek : semua pegawai dan kakitangan kementerian / jabatan dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.
 - b. Kertas Cadangan: semua pegawai dan kakitangan kementerian / jabatan dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam, pihak swasta dan orang ramai.

5. Penyertaan Kertas Projek / Cadangan ACPA 2016 ini terbuka kepada berbagai bidang yang antara lainnya adalah seperti berikut:-
 - a. Meningkatkan Penyampaian Perkhidmatan Awam (*Improving the Delivery of Public Service*);
 - b. Inovasi dalam Perkhidmatan Awam (*Innovations in Public Service*);
 - c. Mencegah dan Memerangi Rasuah dalam Perkhidmatan Awam (*Preventing and Combating Corruption in the Public Service*);
 - d. Meningkatkan Integriti, Ketelusan, Akauntabiliti dan Tindakbalas dalam Perkhidmatan Awam (*Improving Integrity, Transparency, Accountability and Responsiveness in the Public Service*);
 - e. Memajukan Pengurusan Ilmu dalam Kerajaan (*Advancing Knowledge Management in Government*);
 - f. Aplikasi Teknologi Info-Komunikasi dalam Kerajaan: *e-Government (Application of Information and Communication Technology (ICT) in Government: e-Government*; dan
 - g. Penambahbaikan Kualiti Proses dalam Perkhidmatan Awam yang menyumbang kepada mempercepatkan urusan-urusan yang berkaitan dengan *Ease of Doing Business (Quality Improvement of the Public Service Processes towards Ease of Doing Business)*.



- 3 -

6. Pihak yang akan menyertai ACPA dibolehkan mencalonkan sebanyak mungkin Kertas Projek / Cadangan yang memenuhi matlamat ACPA yang di antara lain disenaraikan di dalam perenggan 2 di atas.

7. Setiap pencalonan hendaklah mengisikan Borang Penyertaan ACPA yang boleh diperolehi di Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, Jabatan Perdana Menteri atau dimuat turun daripada laman sesawang Jabatan Perkhidmatan Pengurusan di alamat www.jpp.gov.bn. Borang tersebut berserta dengan lima (5) set Kertas Projek / Cadangan dan *softcopy* hendaklah dikembalikan ke jabatan berkenaan tidak lewat dari hari **Isnin, 20 Jamadilawal 1437 / 29 Februari 2016**.


8. Setiap Kertas Projek / Cadangan yang dicalonkan hendaklah menurut format Laporan Kertas Projek / Cadangan sepertimana yang digariskan dalam Garis Panduan Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam 2016 yang juga boleh diperolehi melalui laman sesawang di atas.


9. Panel Penilaian dan Pemilihan ACPA boleh menolak pencalonan yang tidak memenuhi syarat penyertaan mahupun mana-mana Kertas Projek / Cadangan yang bidang tumpuannya tidak menepati matlamat ACPA.

10. Penerangan lanjut mengenai ACPA boleh diperolehi dengan berhubung terus kepada Jabatan Perkhidmatan Pengurusan di alamat seperti berikut:

Jabatan Perkhidmatan Pengurusan
Jabatan Perdana Menteri
Bangunan Bahirah
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam

Telefon : 2382064/65/66 sambungan 523/550/553
Fax : 2382062
E-mail : info.msds@msd.gov.bn

.... /4 



- 4 -

"Jenayah Dikekang, Negara Cemerlang"

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'Riza', written over a horizontal line.

[MOHD RIZA BIN DATO PADUKA HAJI MOHD YUNOS]
Pemangku Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA1000
Negara Brunei Darussalam

Rujukan : (3) JPM/SK/2016
Tarikh : 10 Rabiulakhir 1437
20 Januari 2016